



BAB 23: IMAM MALIK RAHIMAHULLAH



Kitab Al-Muattok

Cendekiawan Islam Zaman Kegemilangan Islam

Nama	Malik IbnI Anas
Gelaran	Imam Malik, Syeikh Islam
Lahir	93H atau 713M
Wafat	179H atau 796M (86 tahun)
Etnik	Arab
Rantau	Arab
Bidang	Hadis, Fikah
Idea Utama	Mazhab Maliki
Karya	Al-Muattok
Pengaruh	Jaafar As-Sadiq, Abu Suhail An-Nafi



Biografi

Imam Malik Rahimahullah atau nama sebenarnya, Malik bin Anas bin Malik Amir Al-Harith dilahirkan di Kota Madinah pada 93Hijrah bersamaan dengan tahun 713Masihi, iaitu pada zaman pemerintahan Khalifah Sulaiman bin Abdul Malik daripada Kerajaan Bani Umayyah. Beliau berasal dari keturunan Arab yang terhormat dan dimuliakan oleh masyarakat kerana datuknya, Amir bin Al-Harith banyak berkorban bersama Nabi Muhammad S.A.W. dalam menegakkan agama Islam. Kehidupan keluarganya yang susah tidak memadamkan cita-citanya untuk menjadi orang yang berilmu. Berkat usahanya yang gigih dan bersungguh-sungguh, akhirnya beliau muncul sebagai seorang ulama, hartawan, dermawan, dan berjaya memegang jawatan Mufti Besar di Madinah. Beliau pernah menjadi guru sejak usia 17 tahun dan dapat mengajar dengan baik walaupun masih muda. Majlis pengajian beliau dilakukan di Masjid Nabawi. Beliau yang juga dikenal sebagai pengasas Mazhab Maliki telah meninggalkan tiga orang putera dan seorang puteri.

Pendidikan Imam Malik

Sejak kecil lagi minatnya terhadap ilmu sudah disemai dalam jiwanya. Beliau telah menghafaz ayat-ayat Al-Quran dan hadis semenjak kecil dan mendapat pendidikan di Kota Madinah daripada beberapa orang ulama terkenal di sana. Guru pertama beliau adalah Abdul Rahman bin Harman, iaitu seorang ulama besar Madinah yang telah memberi pendidikan kepada beliau selama lapan tahun. Akibat dari kecerdasan akalunya yang luar biasa, beliau pernah menghafal 29 buah hadis daripada 30 buah hadis yang dibacakan oleh gurunya dalam satu hari sahaja. Beliau pernah belajar daripada 900 orang guru dalam kalangan tabiin dan tabi' tabiin. Imam Malik banyak menimba ilmu pengetahuan di Kota Madinah yang pada masa itu menjadi pusat pengajian ilmu, khususnya ilmu agama.

Kitab Al-Muattok

'Al-Muattok' bererti 'yang disepakati' atau 'tunjang' atau 'panduan' tentang ilmu dan hukum-hukum agama. Al-Muattok merupakan sebuah kitab yang mengandungi hadis-hadis hukum yang dikumpulkan oleh Imam Malik serta pendapat para sahabat dan ulama-ulama tabiin. Kitab ini lengkap dengan pelbagai masalah agama yang merangkumi ilmu hadis, ilmu fikah, dan sebagainya. Semua hadis di dalam kitab ini adalah sahih kerana Imam Malik terkenal dengan sifatnya yang tegas dalam penerimaan hadis tertentu.

Beliau sangat berhati-hati ketika menapis, mengasingkan, dan membahas serta menolak riwayat yang meragukan. Daripada 100 000 buah hadis yang dihafal beliau, hanya 10 000 sahaja diakui sah dan daripada 10 000 hadis itu, hanya 5 000 sahaja yang disahkan sahih oleh beliau setelah disiasat dan dipadankan dengan Al-Quran. Menurut satu riwayat, Imam Malik menghabiskan 40 tahun untuk mengumpul dan menapis hadis-hadis yang diterima daripada guru-gurunya. Imam As-Syafie pernah berkata, "Tiada sebuah kitab di muka bumi ini yang lebih banyak mengandungi kebenaran selain daripada kitab Al-Muattok karangan Imam Malik."